



# TADIKA ILMU PINTAR BESTARI (J5AA056)

38, Jalan Mangga 11, Taman Kota Masai,  
81700 Pasir Gudang, Johor. ☎: 019-7745900

Laman Web : <http://pintarbistari.edu.my> Email : [pintarbistari@gmail.com](mailto:pintarbistari@gmail.com)

---

Kepada :  
Ibubapa /Penjaga

Tarikh : 25 Februari 2020  
Ruj : TIPB 03/2020

Tuan / Puan

## PER : MAKLUMAN MAC

### 1) LAWATAN SAMBIL BELAJAR ( 5 TAHUN SAHAJA )

- Untuk makluman, program lawatan bagi K1 (5 Tahun) yang dijadualkan pada **27 Mac 2020** akan **ditunda kepada tarikh yang akan diberitahu nanti**.

### 2) UJIAN 1 ( 6 Tahun sahaja )

- Tarikh Ujian : 4 Mac 2020 ( Rabu ).
  - Subjek : B.Melayu, B.Inggeris, Matematik & Sains
- a) Sila pastikan anak-anak membuat ulangkaji di rumah.  
b) Pastikan anak-anak membawa alat tulis yang lengkap (pensel, pemadam, pembaris dan pensel warna) pada hari ujian tersebut.  
c) Keputusan ujian 1 boleh dilihat melalui laman web tadika mulai **12 Mac 2020 (Khamis)**.

### 3) JADUAL AKTIVITI RENANG

Berikut adalah jadual aktiviti renang bagi bulan Mac.

Tarikh	Kelas sesi pagi	Kelas sesi petang
9 Mac 2020 (Isnin)	6 Bistari 1, 6 Arif	6 Bistari 2, 6 Bijak
10 Mac 2020 (Selasa)	5 Cemerlang , 5 Pintar	5 Pandai, 5 Cerdas
11 Mac 2020 (Rabu)	5 Arif	5 Bijak

### 4) CUTI PERTENGAHAN SEMESTER 1 & CUTI UMUM

- 13 Mac (Jumaat) hingga 21 Mac 2020 (Sabtu) : Cuti Pertengahan Semester
- 22hb (Ahad) - 23hb Mac 2020 (Isnin) : Cuti Khas gantian dan Cuti Hari Keputeraan Sultan Johor.
- Tadika akan beroperasi semula pada 24 Mac 2020 (Selasa).

## 5) PENDAFTARAN KEMASUKAN MURID – SESI 2021 ( 5 TAHUN )

- **Pendaftaran 2021 telah dibuka sekarang** untuk anak yang lahir pada **Tahun 2016**.
- Bayaran pendaftaran adalah sebanyak **RM 100.00**. **Sila bawa satu salinan surat beranak**.
- Pendaftaran boleh **secara terus di tadika @ melalui Pendaftaran online**.
- Bagi pendaftaran awal, (**Early Bird Registration**) anak akan menerima sijil kelayakan penyertaan bagi **KELAS PRA-TADIKA** pada bulan Disember nanti.
- **Tempat adalah terhad terutamanya bagi sesi pagi**. Pendaftaran awal diutamakan
- Sila war-warkan kepada jiran-jiran @ kawan-kawan yang berminat

### Bagi pendaftaran secara manual:

- Sila hadir ke tadika (cawangan pilihan) untuk mengisi borang pendaftaran.
- Sila bawa bersama **bayaran RM100** berserta **sekeping salinan surat beranak sewaktu membuat pendaftaran**.

### Bagi pendaftaran online:

- Sila ke **website tadika** atau klik link berikut:  
<http://my03.awfatech.com/pintarbistari/sps/edaftar/reg.php>.
- Isikan maklumat yang diperlukan dan **klik hantar permohonan**.
- Sila emailkan **salinan surat beranak** ke [pintarbistari@ymail.com](mailto:pintarbistari@ymail.com) .
- Sila **buat bayaran pendaftaran (RM100)** ke akaun tadika. **Sila hubungi cawangan yang dipilih untuk mendapatkan nombor akaun yang berkaitan**.
- **Pengesahan bayaran (slip)** perlu diemailkan dengan memaklumkan nama anak & cawangan yang dipilih.
- Pendaftaran baru hanya akan dapat disahkan setelah bayaran pendaftaran diterima. **Sila hubungi Guru Besar (mengikut tadika yang didaftarkan)** setelah bayaran dibuat untuk **pengesahan kemasukan**.

Sekian, untuk makluman. **Sila ★ (starred message) makluman** ini untuk rujukan tuan/puan. Kerjasama & perhatian dari tuan/puan amat diperlukan. Jika terdapat sebarang pertanyaan & kemusykilan, sila hubungi pihak tadika.  
Terima kasih.

‘ **Bersatu Untuk Mendidik** ’

Yang benar,  
*MyBistari Group*